

Soalan No: 19

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGAM]
TARIKH : 3.8.2017
SOALAN :

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk melonggarkan syarat penempatan persekolahan bagi kanak-kanak pelarian (refugees children) agar mereka dapat pendidikan yang sewajarnya, dalam asas kemanusiaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan proses penerimaan masuk murid bukan warganegara ke sekolah tetapi tertakluk kepada Peraturan 5 di bawah Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penerimaan Masuk Murid ke Sekolah, Penyimpanan Daftar dan Syarat Bagi Pengekalan Murid Belajar di Sekolah) 1998 seperti berikut:

1. anak kakitangan kedutaan asing;
2. anak yang ibu bapanya adalah juga bukan warganegara, yang bekerja dalam perkhidmatan atau agensi Kerajaan, badan berkanun atau mana-mana tempat lain dengan permit kerja yang sah;

3. anak yang ibu bapanya adalah pemastautin tetap Malaysia; atau
4. kanak-kanak yang dipilih oleh kerajaan kanak-kanak itu untuk melanjutkan pelajarannya di Malaysia menurut mana-mana Memorandum Persefahaman atau Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan kanak-kanak itu.

Penerimaan masuk murid bukan warganegara juga tertakluk kepada syarat-syarat seperti memiliki pas pelajar yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), membayar fi yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan dan mengemukakan borang permohonan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi membolehkan kanak-kanak bukan warganegara mendapat akses pendidikan, KPM telah menyediakan Garis Panduan bagi pusat-pusat pembelajaran selain daripada institusi pendidikan Kerajaan dan institusi pendidikan bantuan Kerajaan seperti berikut:

1. penubuhan dan pendaftaran Pusat Pembelajaran Komuniti (CLC) yang merupakan institusi pendidikan yang ditubuhkan oleh pihak pengusaha ladang bagi memenuhi keperluan pendidikan bagi anak yang sah kepada pekerja ladang Indonesia di Sabah dan Sarawak yang berumur antara 7 hingga 12 tahun;
2. penubuhan dan pendaftaran Pusat Bimbingan Alternatif (PBA) yang telah diluluskan pada Mac 2015 bagi menyediakan pendidikan kepada kanak-kanak bukan warganegara yang tidak berpeluang mendapatkan akses untuk mengikuti pendidikan formal sama ada di institusi pendidikan Kerajaan, institusi pendidikan bantuan Kerajaan

- atau swasta di kawasan bandar dan luar bandar; dan
3. kanak-kanak bukan warganegara yang belajar di CLC dan PBA boleh mengikuti pendidikan dengan menggunakan kurikulum bersesuaian yang diluluskan oleh Kementerian Pendidikan.

Garis panduan PBA juga membenarkan PBA beroperasi di kawasan bandar serta luar bandar dan boleh ditubuhkan sama ada oleh pihak Kerajaan, syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (ROC) serta badan bukan kerajaan atau pertubuhan yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS), Kementerian Dalam Negeri.